

# UPM diseru lera i kekalutan masyarakat

**SULTAN** Selangor hari ini menyeru agar Universiti Putra Malaysia (UPM) menggandakan usaha secara pro aktif untuk memimpin masyarakat dalam meleraikan kekalutan dan kekusutan isu-isu yang berlaku dalam masyarakat.

Sultan Selangor yang juga Canselor UPM bertitah, kekusutan dalam isu-isu seperti pemanasan global (global warming), krisis makanan, kesan kenaikan harga minyak, perubahan cuaca (*climate change*), kegawatan ekonomi, kebejatan sosial, kekeliruan politik, kerencaman perpaduan dan integrasi nasional dan sebagainya perlu dirungkai dengan matang dan penuh dengan nilai intelektual.

"Sebagai sebuah universiti multidisiplin yang banyak menghasilkan kajian-kajian yang berafaah kepada kehidupan, Beta berharap dapat-dapat kajian tersebut dikongsi dengan masyarakat.

"Dalam konteks ini, Beta fikir universiti perlu mendampingi masyarakat di mana kekayaan ilmiah dan penyelidikan universiti seharusnya boleh dikongsi secara bersama dengan masyarakat," titah baginda pada majlis konvokesyen UPM ke-32 (Sidang Pertama) di UPM, hari ini.

Pada majlis itu Setiausaha Agung ASEAN, Dr. Surin Pitsuwan dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Ekonomi, berdasarkan sumbangannya sebagai negarawan tersohor di ASEAN yang memperjuangkan isu-isu demokrasi, pembangunan lestari dan keselamatan kemanusian.

Sultan Sharafuddin bertitah, kejayaan para graduan hari ini sangat signifikan dengan pengorbanan ibu bapa dan keluarga.

Demikian juga dengan pensyarikh-pensyarikh yang mengajar dan mendidik graduan sehingga mereka melepassi tahap keperluan bagi pengurnian ijazah pada pagi ini.

Baginda juga menyaraskan rasa gembira dengan pencapaian UPM hari ini kerana sejak ditubuhkan institut pengajian tinggi awam tersebut telah mengeluarkan

"Pentas globalisasi yang begitu luas memungkinkan persaingan menjadi lebih mencabar dan oleh yang demikian penggarapan nilai kebolehpasaran graduan perlu ditingkatkan daripada semasa ke semasa bagi membolehkan kita menyediakan modal insan kelas pertama sebagai pesaing global yang lebih kompetitif di pentas antarabangsa"



DR. SURIN PITSUWAN

sebanyak 127,689 graduan dan baginda juga percaya banyak daripada graduan yang dikeluarkan menjawat jawatan utama dan menjadi tokoh-tokoh penting dalam negara.

"Beta kira usaha melahirkan graduan perlu diberi memberi kepada kecermerlangan yang memungkinkan mereka mengukir

kejayaan dalam kehidupan mereka dan dalam waktu yang sama melonjakkan nama UPM.

"Ini kerana persaingan hari ini bukan sekadar persaingan dalam negara semata-mata tetapi lebih luas kepada pasaran kerjaya yang lebih terbuka.

"Pentas globalisasi yang begitu luas memungkinkan persaingan menjadi lebih mencabar dan oleh yang demikian penggarapan nilai kebolehpasaran graduan perlu ditingkatkan daripada semasa ke semasa bagi membolehkan kita menyediakan modal insan kelas pertama sebagai pesaing global yang lebih kompetitif di pentas antarabangsa," titah baginda.

Baginda bagaimanapun sedia maklum bahawa usaha-usaha telah dilakukan oleh universiti untuk merealisasikan hasrat tersebut seperti pemantangan aktiviti kurikulum dan kokurikulum.

"Penggunaan teknologi dalam pendidikan di UPM juga begitu luas sehingga UPM muncul sebagai komuniti pengguna Teknologi Komunikasi Maklumat (ICT) terbesar di Malaysia dan keempat di Asia dari kalangan institusi pengajian tinggi.

"Beta optimis keupayaan UPM untuk terus menjadi institusi penting sebagai pemacu kemajuan negara dan beta yakin kesediaman UPM untuk bersaing di pentas



TUANKU Canselor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj perkenan memberi penganugerahan kepada graduan-graduan Universiti Putra Malaysia pada sidang pertama.

antarabangsa berdasarkan kepada pencapaian semasa yang mencerminkan kekuuhan institusi ini di arena pendidikan tinggi," titah baginda.

Melihatkan kepada kemampuan UPM untuk pencapaian kejayaan dalam pendidikan tinggi ini, Sultan Sharafuddin menaruh

keyakinan yang sangat tinggi bahawa UPM juga berupaya mencapai hasilrat untuk muncul sebagai universiti bertaraf dunia.

Majlis konvokesyen UPM dijalankan dalam 10 sesi selama lima hari. Seramai 716 graduan menerima ijazah dan diploma masing-masing pada sesi pertama hari ini.



PARA graduan yang bakal menerima ijazah pada Konvensyen Universiti Putra Malaysia ke-32.